

Ucapan tahniah daripada pemimpin pembangkang

UM - 8/6/2007

KUALA LUMPUR 7 Jun - Ucapan tahniah untuk Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan melangsungkan perkahwinan dengan Jeanne Abdullah Sabtu ini terus diterima daripada para pemimpin parti politik.

Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang dan anaknya Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng menyampaikan ucapan tahniah melalui kenyataan media berasingan hari ini.

Guan Eng berkata, rakyat Malaysia pastinya merestui kebahagiaan yang ditemui Abdullah kerana kini beliau mempunyai teman hidup baru untuk menjalani kehidupan, berkongsi masalah bersama dan meringankan beban yang dirasakan.

Ketua Pemuda Pas, Salahudin Ayub berkata, parti itu mendoakan perkahwinan itu akan memberi kekuatan dan iltizam kepada Perdana Menteri dalam melaksanakan pembangunan agama, bangsa dan negara.

Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) pula mendoakan agar perkahwinan itu membawa lebih kebahagiaan dan keceriaan kepada Abdullah.

- Bernama